

Hukuman sebat mandatori untuk pesalah seksual

KUALA LUMPUR – Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017 yang antara lain memberi laluan kepada penguatkuasaan hukuman sebat mandatori terhadap pesalah jenayah seksual apabila akta itu diwartakan kelak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim berkata, di bawah pindaan akta itu, hukuman sebat mandatori boleh dikenakan ke atas pesalah yang melakukan kesalahan rogol, sumbang mahram, persetubuhan seksual bertentangan dengan aturan tabii secara rela dan tanpa kerelaan, serta kesalahan merangsang kanak-kanak kepada perbuatan kelucahan melampau.

"Rang undang-undang ini menunjukkan langkah serius kerajaan untuk menangani salah laku melibatkan jenayah seksual," katanya ketika menggulung perbahasannya rang undang-undang itu yang kemudiannya diluluskan dengan undian majoriti pada tengah malam kelmarin.